Memang masyarakat tahu yang dia itu gila tetapi mungkin tidak semua yang tahu mengapa dia menghabiskan sisa-sisa hidupnya begitu. Aku mendapat tahu, dia asal dahulunya tidaklah begitu. Kalau tidak silap aku, dia tinggal di kawasan yang berdekatan dengan rumah datukku. Menurut cerita ibuku, dia seorang yang bijak pada zaman persekolahannya dahulu. Dek kerana masalah kewangan keluarganya, dia tidak dapat melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi. Mungkin ke universiti aku rasa. Al-maklumlah pada zaman itu, bukan semua orang berkemampuan melanjutkan pengajian ke universiti. Selepas itulah dia menjadi sebegitu. GILA. Kerana gagal melanjutkan pelajaran, dia menderita tekanan mental.

Aku agak, dia mungkin seorang uang bercita-cita tinggi dan cintakan ilmu pengetahuan. Kalau tak masakan dia boleh menderita sebegitu rupa. Berbeza pula dengan kita sekarang. Lebih baik kalau tidak belajar.Tidak begitu? Tetapi bukan semua orang begitu..mungkin sekadar tekaan jahat aku sahaja. Jahatkah aku?

★★★★★★★

BAHAGIAN 2

Aku tidak tahu akan namanya. Tetapi yang pasti dia lebih muda daripada aku. Mungkin jarak usia antara aku dan dia agak jauh juga. Pertama kali aku terjumpa dengannya semasa aku sedang minum di sebuah kedai makan yang sememangnya menjadi 'port' anak-anak muda 'scene' kat hometown aku. Kalau tidak salah aku dia membawa sebatang pensil dan sebuah buku latihan. Dia kemudian dating mendekati aku dan rakan-rakan yang lain sambil mengambil tempat duduknya. Aku rasa dia seroang yang 'sempoi'. Dia adalah insan 'istimewa'. Oh..lupa aku khabarkan, dia juga mempunyai sebuah basikal tua yang selalu ditunggangnya merayau-rayau di sekitar kawasan bandar. Sungguh 'rare' sekali ☺ Pernah sekali aku menghulurkan beberapa keping wang syiling kepadanya unutk dia membeli gula-gula. Tetapi dia enggan menerimanya dan memberikannya balik kepada aku. "Abang ambik la balik.," Kelakarlah pula aku rasa.

Pernah sekali ketika aku sedang menjamu selera di sebuah restoran mamak aku ternampak dia berdiri dan mengintai-intai di tepi tempat lauk pauk diletakkan. Dia berdiri di situ buat beberapa lama. Rupa-rupanya dia juga lapar. Patutlah dia berdiri kat situ dari tadi. Mungkin dia tidak mempunyai wang yang cukup untuk membelinya. Tapi tiadalah pula dia meminta daripada mamak tu. Mungkin kalau orang lain sudah tentu akan meminta daripada mamak tersebut, tapi dia ni relek sahaja dok lepak kat situ. Nasib dia baik hari itu sebab mamak restoran tu belanja dia makan free.

Lagi satu, dia memang sukakan bas. Aku tak tahu pasal apa dia sukankan sangat bas. Kalau lukis mesti dia akan melukis gambar bas. Lepas itu akan selalu melepak di stesen bas ekspres. Kadang kala kalau aku terserempak dengannya aku akan menegurnya. Entah kenal lagi atau tidak dia dengan aku. Tetapi tengok pada gayanya macam masih mengingati aku lagi. Tak tahulah. Dia bercita-cita hendak menjadi seorang pemandu bas. Mungkin sebab tiu dia selalu menghabiskan masanya di stesen bas ekspres tiu. Memerhati gelagat pemandu-pemandu bas dan mungkin berharap akan ada orang yang akan mengambilnya menjadi pemandu bas. Tapi yang pasti, dia mempunyai cita-cita walaupun dia berkeadaan begitu. Bukan seperti sesetngah kita yang sempurna akan fikiran ini. Langsung tidak ada cita-cita dan matlamat dalam hidup. Tak tahulah. Iya?

★★★★★★★

Sekali Aku Teringat Daa..



Apakah bezanya seekor tikus yang menaiki sebuah kereta kancil dan seekor tikus yang lain yang menaiki sebuah kereta BMW? Soalan ini pernah ditanya oleh seorang professor semasa penulis berada dalam kelasnya. Jawapannya ialah kedua-duanya tidak mempunyai perbezaan. Mereka adalah tikus juga. Persoalan ini dikemukakan oleh beliau untuk mengaitkan tentang perangai manusia sesama manusia.

Mengapa manusia perlu berbangga dan menunjuk-nunjuk kepada orang lain sekiranya kita mempunyai kelebihan daripada orang lain misalnya daripada segi ekonomi. Tidak semua manusia bernasib baik. Ada yang mempunyai pendapatan yang tinggi dan ada pula yang sebaliknya. Tetapi keadaan ini tidak sepatutnya mewujudkan jurang dan perbezaan darjat sesama manusia di atas muka bumi ini. Kita masih manusia yang sama! Tidak ada bezanya. Itu yang pasti. Tidak perlu bermegah dengan apa yang kita miliki. Jangan pula lupa kepada golongan yang tidak bernasib baik. Janganlah mengkeji dan menghina mereka hanya kerana mereka tidak mampu berkasut jenama terkini, memakai baju yang mungkin hanya dibeli di pasar-pasar malam, tidak 'stylo.

Namun mereka juga punyai hati dan perasaan. Mengapa sesetengah golongan masyarakat sering melihat dengan pandangan yang jelik apabila terserempak dengan mereka ini di tempat-tempat yang menjadi tumpuan ramai contohnya seperti KLCC dan lain-lain. Apakah salah mereka? Mengapa perlu ada sikap prejudis seperti ini sesama manusia. Mereka bukanya mencuri atau meminta duit dari kita. Jangan menghina mereka hanya kerana mereka itu bukan "seekor tikus yang menaiki sebuah kereta BMW"..



Kebanyakan pekerja adalah kaum wanita, selalunya muda, selalunya bekerja untuk kontraktok atau kontraktor kecil... Pentadbiran selalunya seperti tentera, penyelia-penyelia seringkali tidak adil, gajinya terlalu rendah untuk kehidupan dan tugasnya berkemahiran rendah dan membosankan... Rasa takut menyelimuti zon-zon itu. Kerajaan-kerajaan ketakutan kehilangan kilang-kilang asing mereka; kilang-kilang ketakutan kehilangan pembeli jenama mereka; dan para pekerja ketakutan kehilangan pekerjaan mereka yang tidak stabil itu.

Sememangnya, kebanyakan daripada ini adalah benar. EPZ adalah versi moden bagi 'kilang-kilang bersyaitan,' dan keadaan-keadaan kehidupan keluarga bagi mereka yang bekerja di zon-zon itu adalah mirip dengan kehidupan pekerja di Manchester yang digambarkan oleh Engels dalam karyanya bertajuk The Conditions of the Working Class in England in 1844. Penjelasan kehidupan wanita di EPZ juga mirip dengan cerita-cerita wanita di Lawrence, Massachusetts, di mana permogokan mereka pada tahun 1912 dikenali sebagai permogokan 'roti dan mawar' kerana wanita itu menuntut masa dengan keluarga mereka dan juga menolak potongan gaji: "Hati kita berkebeluruan seperti badan kita – berikan kita roti, tetapi berikan kita mawar." Tetapi pandangan berfeluasa bahawa para pekerja di zon-zon itu biasanya wanita muda yang "takut dan tidak mengetahui hak-hak mereka," "jinak" dan "patuh," dan bahawa gaji-gaji adalah di bawah taraf kehidupan tidak dibuktikan oleh fakta-fakta.

Wanita dari EPZ di Amerika Latin dan Asia berjumpa pada tahun 1999 dan sekali lagi tahun 2000 dalam sebuah rancangan pertukaran yang dianjurkan oleh Pusat Sumber Pengawas Asia. Penyampaian dari setiap kawasan memberikan wanita peluang untuk mempelajari "betapa serupanya pekerja wanita di kedua-dua benua itu diakibatkan oleh globalisasi." Pada sesi penutup, wanita bersetuju bahawa:

Keadaan bekerja bagi pekerja wanita di Amerika Latin dan Asia adalah mirip, tetapi kehidupan mereka agak berbeza. Bertentangan dengan kebanyakan pekerja wanita di FTZ yang belum berkahwin, kebanyakan pekerja wanita di Amerika Tengah sudah menjadi ibu dengan beberapa orang anak, maka mereka menjadi ketua keluarga dan pencari pendapatan. Oleh kerana itu, sesebuah pekerjaan begitu penting bagi seorang wanita, kerana dia perlu menyokong ibunya dan anak-anak. Bertentangan dengan kebanyakan wanita di Asia, terutamanya di Negara Cina di mana mereka tinggal di asrama, pekerja maquila kembali ke rumah setiap hari untuk menjaga anak. Pekerja di maquila dibayar gaji yang agak tinggi, terutamanya di negara-negara di mana kadar pengangguran mungkin mencapai 60 peratus.

Tema 'gaji yang agak baik' di zon-zon adalah tema yang muncul berkali-kali dalam perbicaraan wanita mengenai pilihan-pilihan mereka. Berbanding dengan terus menganggur di kawasan perkampungan atau bekerja sebagai pembantu rumah di rumah seorang wanita kaya, bekerja di EPZ bukanlah alternatif yang paling buruk. Lebih-lebih lagi, tahap 'kejinakan' dan 'kepatuhan' para pekerja, biarpun pekerja wanita atau lelaki, muda atau tua, di EPZ atau tempat bekerja biasa ditunjukkan berkali-kali sebagai bergantung kepada tahap mobilisasi para pekerja dan keyakinan dalam kemampuan mereka untuk menentang perintah pihak majikan.

Jadi para pekerja – kebanyakan daripada mereka pekerja wanita – di EPZ di Korea Selatan, misalnya, mengambil bahagian dalam permogokan kebangsaan pada tahun 1987. Di Zon Eksport Bebas Masan (MAFEZ), di mana kesatuan-kesatuan pekerja diharamkan, lebih daripada separuh syarikat (41 daripada 73) mengalami pendudukan oleh pekerja. Tuntutan-tuntutan utama para pekerja – untuk gaji dan keadaan bekerja yang lebih baik – dimenangi, tetapi bukannya hak untuk mendirikan kesatuan pekerja tetap. Namun, pada tahun 1988, pekerja MAFEZ bejaya beratur sekali lagi, kali ini dengan lebih cepat dan lebih cekap. Hasilnya, permogokan 1988 memenangi peningkatan gaji dari AS$4 sehari ke AS$7 sehari. Baru-baru ini, di Sri Lanka, para pekerja beratur dalam Pertubuhan Pekerja dan Majlis Pekerja di Zon-zon Perdagangan Bebas. Pertubuhan ini bukanlah bersikap militan secara umum, tetapi pada tahun 1997-1998, ia menyokongi aksi pemberontakan yang diambil oleh pekerja kilang Sky Sports di zon terbesar negara tersebut, iaitu Katunayake. Seorang pekerja wanita dikasari secara fizikal oleh pengurus kilang kerana kesilapan kecil, dan kemudianmya dipecat kerana dia gagal melaporkan diri untuk bekerja apabila dia mendapat rawatan untuk kecederaannya. Pemberontakan pekerja itu membawa penutupan kilang, dan kes itu menjadi berita hangat kebangsaan dan antarabangsa.

Fakta bahawa kesatuan-kesatuan pekerja dan aksi mogok diharamkan di kebanyakan zon itu membuatkannya susah untuk para pekerja beratur untuk mempertahankan hak-hak mereka. Namun demikian, sepanjang sejarah manusia, para pekerja telah mencari cara mengeliiingi halangan-halangan seperti itu, dan di mana ia diperlukan, cuma mempedulikannya.

Seiring dengan EPZ adalah peningkatan dalam penggunaan tugas-tugas yang diseliakan dan yang 'mudah dilentur.' Tenaga pekerja yang mudah dilentur pada awalnya dilihat sebagai sesuatu yang hanya mempunyai kesan pada pekerjaan wanita, tetapi ia kini menjadi jelas bahawa industri-industri 'lelaki' juga diakibatkan olehnya. Guy Standing dari Pertubuhan Perburuhan Antarabangsa (ILO) berucap pada tahun 1989 mengenai peralihan global menuju "feminisasi melalui pekerjaan yang mudah dilentur." Pada tahun 1996, dia mengubah pandangannya untuk mengatakan bahawa, sambil feminisasi pekerjaan masih berterusan, kelenturan semakin mengakibatkan lelaki selain kaum wanita. Sekali lagi, terdapat pelbagai contoh di mana kuasa pekerja yang mudah dilentur seperti itu mengalur untuk menentang kezaliman pengeksploitasian kapitalis.

Hak wanita untuk memilih

Globalisasi juga mempunyai kesan bercanggah berkenaan dengan persoalan kebebasan seksual dan hak melahirkan anak, terutamanya berkenaan dengan hak wanita untuk memilih jika dan bila mereka hendak melahirkan anak. Dalam satu tangan, kemasukan kaum wanita ke dalam tenaga pekerja telah membawa peralihan dalam sikap terhadap aktiviti seksual sebelum perkahwinan di kebanyakan negara, termasuklah di beberapa negara yang dahulunya tidak menerima hakikat ini. Dalam tangan sebelah, 'perlumbaan ke bawah' telah menyaksikan keengganan kapitalisme global untuk memberikan keselamatan asas bagi peranan wanita sebagai ibu bagi generasi pekerja seterusnya. Bahagian rencana ini mengkaji bagaimana wanita di negara-negara perindustrian baru telah menikmati kebebasan seksual baru, tetapi dalam konteks sebuah sistem yang memandang anak mereka dan kemampuan mereka untuk melahirkan anak sebagai ancaman bagi keuntungan dan bukannya penghadiahan kepada masyarakat.

Perdebatan bahawa perubahan hubungan wanita dengan bidang pengeluaran dapat membawa perubahan dalam hubungan kekeluargaan dan sikap terhadap kehidupan berkeluarga, seks dan seksualiti sudah dibincangkan dalam majalah ini. Sejauh mana perkara ini berlaku di negara-negara seperti Indonesia, Ireland, Negara Thai, dan India tidak patut menghairankan kita. Jumlah wanita yang kini bebas dari segi ekonomi dan hidup di bandaraya, jauh dari pelusuk-pelusuk kampung sudah tentu bermaksud aktiviti seksual yang lebih sebelum berkahwin. Ini, ditambah dengan kesediaan umum bahan pencegah kehamilan – terutamanya ubat yang dapat dimakan dengan atau tanpa pengetahuan pasangan mereka – bermakna bahawa wanita tidak mempunyai sebab untuk tidak mengadakan hubungan seksual pada dasar sama-rata dengan lelaki. Ia juga bermakna bahawa wanita juga semakin enggan kekal dalam hubungan dengan pasangan yang ganas atau tidak menyokongi mereka, atau di mana pasangan mereka enggan berusaha.

mendapat gaji sebanyak tiga pertiga daripada gaji kaum lelaki tidak bermakna bahawa lelaki dari kelas pekerja dibayar gaji yang baik. Kos besar bagi penjagaan anak yang datang dari belanjawan rumahtangga bermaksud bahawa mereka mempunyai banyak kesusahan. Dan kebodohan seksis yang mereka terpaksa berhadapan dengan setiap hari, yang mengatakan bahawa kaum wanita berasal dari planet yang lain, meracuni dan memesongkan hubungan peribadi dan seksual untuk lelaki dan juga wanita.

Kemasukan kaum wanita ke dalam tenaga pekerja global telah membawa bukti kukuh bagi sifat kelas penindasan wanita. Idea bahawa semua lelaki merangkul kebaikan dari penindasan wanita jelasnya tidak masuk akal apabila kita melihat bahawa lapisan wanita yang semakin membesar menikmati kehidupan yang lebih baik daripada majoriti lelaki. Maka, sambil kebanyakan wanita mendapat gaji yang paling rendah, terdapat juga wanita yang menikmati kapitalisme global. Di Indonesia pada tahun 1992, misalnya, 11 peratus daripada kaum wanita mendapat gaji lebih daripada Rp150,000 sebulan, sambil lebih kurang 75 peratus daripada kaum lelaki mendapat gaji yang kurang daripada angka itu. Di Ireland pada tahun 1997-1998, sekurang-kurangnya 5 peratus daripada kaum wanita mendapat gaji sebanyak IR£40,000 atau lebih setahun, sambil lebih separuh daripada para pekerja (lelaki dan perempuan) mendapat gaji kurang daripada IR£13,500. Ireland dan Indonesia adalah negara-negara dengan ketidak-samarataan yang nyata dalam kekayaan, dan oleh kerana itu, statistik mengenai gaji tidak memberikan gambaran benar bagi perbezaan corak pendapatan dan perbelanjaan. Perangkaan bagi Ireland, misalnya, tidak mengambil kira pembayar cukai bukan PAYE, dan oleh kerana itu, tidak mengambil kira wanita kaya yang menguasai dan menggerakkan peruhasaan-perusahaan, dan menduduki badan-badan pengurus. Di Jakarta dan Dublin – dan bandar-bandar lain di merata dunia – terdapat minoriti wanita (dan lelaki) kaya yang jelas, di mana kuasa pembelian mereka lebih besar daripada Rp150,000 atau IR£40,000 yang menandakan kumpulan gaji tertinggi kebangsaan. Pandangan seketika pada pendapatan di Britain pada bulan April 2000 menunjukkan bahawa sekumpulan minoriti wanita hidup dengan lebih mewah daripada majoriti lelaki. Maka, sambil gaji purata bagi pemburuh lelaki pada £343.90 seminggu lebih tinggi garipada gaji pemburuh wanita pada £227.90, purata bagi wanita bukan pemburuh lebih tinggi daripada kedua-duanya pada £357.50 seminggu. Sememangnya, purata bagi lelaki bukan pemburuh lebih tinggi lagi – pada £533.90. Ia adalah penting untuk melihat bahawa tahap gaji purata menyembunyikan perbezaan-perbezaan besar. Maka, kemungkin besar kebanyakan pekerja wanita bukan pemburuh mendapat gaji yang kurang daripada £357 seminggu, tetapi ini juga bermakna bahawa terdapat lapisan yang menerima lebih daripada £700 seminggu.

Tentangan

Kebanyakan yang ditulis mengenai peranan wanita dalam peluasan kapitalisme global hanya melihat keburukan bagi kaum wanita. Malah, penulis-penulis wanita juga menggambarkan wanita di negara-negara perindustrian baru sebagai mangsa – 'jinak,' 'patuh,' 'senang diurus' dan 'susah untuk dimobilisasi.' Tetapi, seperti yang kita sudah melihat di atas, sambil wanita merana di bawah neo-liberalisme, namun, para pekerja wanita di keadaan-keadaan yang paling susah pun sedang memberi tentangan, mempertahankan diri daripada serangan pihak majikan, kerajaan-kerajaan dan IMF. Bahagian ini mengkaji beberapa mitos yang mengelilingi kemampuan dan kehendak pekerja wanita untuk memimpin perjuangan untuk sebuah dunia yang lain.

Wanita yang bekerja dalam sektor tidak rasmi – pembantu rumah, pekerja 'tanpa rekod' dan sebagainya – berhadapan kesusahan dalam bermobilisasi untuk mempertahankan gaji dan keadaan-keadaan bekerja. Tetapi di merata dunia, pekerja tidak rasmi sedang menunjukkan bahawa mereka dapat bergerak. Di Filipina, Gabriella, iaitu sebuah persekutuan kumpulan-kumpulan wanita besar, sedang mengatur dengan penjual-penjual di kaki lima di Manila ; Di India, Pertubuhan Pekerja Wanita (SEWA) memobilisasikan wanita yang bekerja di rumah masing-masing dan di jalanraya di bandar-bandar Gujarat; di Amerika Syarikat, pembasuh-pembasuh tandas telah beratur dan telah memenangi hak kesatuan pekerja dan keadaan bekerja yang lebih baik di Kalifornia meskipun ada di antara mereka yang dianggap sebagai pendatang 'haram.' Wanita-wanita ini, dan wanita lain yang tidak didengari centa mereka, menunjukkan bahawa ia tidak mustahil untuk menentang perlumbaan ke bawah.

Pelbagai kajian mengenai pekerja wanita di dunia membangun menunjukkan bahawa mereka diupah kerana mereka dianggap lebih jinak dan lebih senang diurus daripada kaum lelaki. Namun, terdapat juga bukti yang menentang pandangan ini. Porpora, Lim dan Prommas mendapati bahawa para pekerja wanita dalam industri kain seolah-olah lebih bersikap militan daripada kaum lelaki. Mereka juga mendapati bahawa tidak terdapatnya keputusan jelas oleh pihak majikan untuk mengupah wanita kerana sifat jinak mereka. Dalam kajian Diane Wolf mengenai pekerja wanita di Indonesia, dia menunjukkan bahawa di satu kampung, "pekerja kilang... menunjukkan sikap berkuasa berbanding sahabat-sahabat mereka yang tidak pernah bekerja di kilang." Peter Bell memperdebatkan bahawa wanita Negara Thai tekah menjadi barisan utama dalam perjuangan menentang model pembangunan kapitalis. Ini tidak mengetepikan fakta bahawa, seperti yang ditunjukkan oleh Ungkaporn, pendapat bulanan kaum wanita di Negata Thai pada tahun 1989, para puratanya, hanya 80 peratus daripada pendapatan kaum lelaki.

Para sosialis dan pemimpin-pemimpin kesatuan pekerja di Indonesia bersetuju bahawa kaum wanita jelasnya lebih militan daripada kaum lelaki:

... kilang-kilang dengan para pekerja wanita yang paling ramai biasanya juga kilang yang paling militan. Para pekerja yang paling aktif adalah para pekerja wanita. Mereka menghadiri mesyuarat, dan wakil-wakil dari setiap tempat bekerja biasanya adalah pekerja yang paling aktif di sesebuah kilang, biasanya wanita. Wakil-wakil tersebut selalu memberi ucapan – tidak kira jika mereka adalah orang lelaki atau wanita. Juga, kami cuba membina gerakan di sekeliling isu-isu yang penting bagi kaum wanita kerana diskriminasi terhadap mereka masih berlaku. Gaji dan keadaan sosial yang sama taraf masih belum dicapai, dan kadang-kala kaum lelaki mendapat gaji lebih untuk makanan dan kaum wanita tidak mendapatnya. Terdapat juga pengusikan seksual. Kaum wanita biasanya terpaksa melalui semakan badan dan mereka tidak mendapat cuti semasa haid.

Di kalangan wanita di dunia maju, terdapat pendapat bahawa ahli-ahli kesatuan pekerja wanita adalah mangsa struktur kesatuan pekerja 'lelaki.' Pandangan ini senang difahami apabila kita melihat birokratisasi kesatuan-kesatuan dan pemelukan reformasi oleh pemimpin-pemimpin kesatuan pekerja di negara-negara Utara. Tetapi pandangan ini sebenarnya mengetepikan realiti kehidupan pekerja dan gerakan pekerja di negara-negara perindustrian baru. Maka kita menjumpai wanita di setiap tahap kepimpinan bagi kesatuan-kesatuan pekerja di negara-negara seperti Negara Thai dan Indonesia, di mana kesama-rataan rasmi masih jauh ketinggalan negara-negara lain, seperti di Kesatuan Eropah. Di Indonesia, seorang penyelia bagi Majlis Pekerja Untuk Reformasi Sepenuhnya (COBAR) memberitahu risalah berkala ini, "Beberapa orang wakil wanita berada di kilang-kilang di mana majoriti pekerja adalah wanita. Tetapi ia bukannya masalah jika wanita menjadi wakil di kilang di mana kaum lelaki dan wanita bekerja." Di Negara Thai, wanita telah diundi sebagai pemimpin kesatuan-kesatuan pekerja, bukan sahaja di kilang-kilang, tetapi juga pada tahap Kumpulan Tempatan. Kumpulan-kumpulan Tempatan adalah struktur perpaduan ahli-ahli yang membawa bersama wakil-wakil kesatuan-kesatuan pekerja dari kawasan-kawasan tempatan. Dalam satu kajian yang mengkaji lapan orang aktivis kesatuan pekerja utama di Negara Thai,



Manusia Vegan

Kalau dilihat pada sejarah, masyarakat Melayu sememangnya pengamal vegan sejak zaman dahulu kala lagi. Kebanyakan menu dalam diet masyarakat pada zaman dahulu adalah daripada bahan-bahan yang berunsurkan sayuran. Sebab itulah masyarakat kita terkenal dengan resipi-resipi yang berasaskan sayuran juga. Masyarakat melayu juga terkenal dengan tabiat memakan ulam-ulaman. Sesetengah generasi muda mungkin tidak lagi mengamalkan pemakanan seperti ini lagi. Oleh sebab itu jugalah generasi pada zaman ini mudah mendapat penyakit yang berpunca daripada factor pemakanan itu sendiri. Perhatikan generasi-generasi terdahulu, pasti anda bersetuju dengan pandangan ini. Tidak dinafikan mereka juga mengambil makanan berdarah seperti daging. Tetapi pemgambilan makanan seperti ini dalam diet mereka bukanlah seperti kita pada hari ini yang mana mereka hanya mengambilnya sekali sekala sahaja. Berlainan dengan kita, setiap hari ada sahaja hidangan yang berasaskan daging. Siang, malam, pagi, petang. Masakan tidak mendapat penyakit seperti stroke, lemah jantung, kegemukan dan lain-lain-lain penyakit yang berfaktor daripada pemgambilan makanan berasaskan daging.

Faktor kewangan juga menyumbang kepada pengamalan vegan di kalangan masyarakt terdahulu. Mereka tidak perlu mengeluarkan belanja yang banyak kerana sumber-sumber makanan ini ada disekitar mereka sahaja. Hanya petik/pungut dan kemudian dihidangkan. Mudah dan praktikal.

Satu Cara Untuk Kaya...

Salah satu cara untuk mencari pendapatan sampingan adalah dengan menyertai perniagaan "direct selling" yang sesetengahnya mengamalkan sistem piramid. Bermacam-macam pakej yang ditawarkan. Ada yang menawarkan produk hanya untuk ahli-ahli sahaja dan ada yang memerlukan para ahli menjualkannya kepada individu lain. Namun ada sesetengahnya ibarat menjalan perniagaan 'di atas angin'. Tiada produk yang ditawarkan. Hanya perlu mencari ahli-ahli baru dan melalui ahli-ahli inilah komisen atau 'percent' diberikan kepada mereka yang mencari ahli baru tersebut. Sungguh mudah bukan. Anda hanya perlu mengumpulkan seberapa ramai ahli-ahli baru dibawah anda untuk mendapat ganjaran yang lumayan kononnya. Inilah yang dikatakan sistem piramid. Sesetengah pihak pemilik perniagaan jenis ini menafikan bahawa sistem yang diguna pakai oleh mereka adalah mengikut sistem piramid untuk mengabui mata mereka yang menyertainya. Alangkah bijaknya pemilik-pemilik perniagaan seperti ini.

Untuk menjadi ahli seseorang individu itu perlulah membayar yuran keahlian. Ada yang mengkehendaki ahli membayar Rm10 ada ada juga sehingga yang mencecah ratusan ringgit. Gila apa. Masakan pemilik perniagaan ini tidak mampu untuk memberi kepada sesetengah ahlinya komisen untuk menunjukkan kepada individu yang belum menyertai perniagaan mereka yang mereka ini menjalankan perniagaan yang boleh memberi keuntungan kepada mereka yang menyertainya. Padahalnya keuntungan untuk siapa ya? Fikirlah sendiri.

Tetapi harus diingat bahawa duit-duit yang diberikan itu adalah duit mereka-mereka yang lain. Bukannya duit syarikat berkenaan. Jarang sekali perniagaan seperti ini bertahan lama. Kalau ada pun mungkin perniagaan 'direct selling' yang menjalankan mengikut lunas yang betul. Apabila sudah mendapat keuntungan pemilik perniagaan ini akan menutup perniagaan mereka dengan alasan yang sama iaitu BANKRUP... Kalau difikirkan dari segi logiknya, kalau perniagaan seperti ini tidak mendatangkan keuntungan yang lumayan kepada para pemiliknya (pelabur modal) masakan muncul dengan banyaknya perniagaan seperti ini bagai tumbuhnya cendawan selepas hujan turun. Lepas itu tinggallah mereka yang terpedaya dan terpengaruh dengan komisen dan hadiah yang kononnya akan diberikan kepada ahli yang "rajin". Sampai dunia ini kiamat pun tidak akan dapat.



Bagaimana untuk mewujudkan perniagaan seperti ini? Senang sahaja. Anda hanya perlu mencari seorang atau dua rakan kongsi bagi menjalankan rancangan jahat ini :) Hebohkan tentang 'perniagaan' baru ini. Kemudian ramailah orang yang akan menyertainya. Untuk lebih menyakinkan para ahli, sediakan kad keahlian yang kos untuk membuatnya tidaklah seberapa kalau hendak dibandingkan dengan keuntungan yang

akan akan dan rakan-rakan akan dapat nanti. Kemudian hadiahkan dengan bonus yang berupa wang atau barangan elektrik (ini lebih mudah) kepada mereka yang aktif dalam mencari ahli-ahli baru. Ini hanyalah sebagai taktik untuk menaikkan semangat mereka yang lain. Apabila mereka melihat rakan mereka diberikan komisen yang 'best' sudah tentu mereka juga yang akan berusaha. Dan yang untungnya anda juga. Senangkan? Selamat maju jaya.

13 Years Later
THE MASSACRED VILLAGE



Thirteen years after the killings, Memali still haunts. Abdar-Rahman Koya talks about his brief stop over in Kampung Memali, Kedah.

Just about a decade ago, people had no choice but to rely completely upon RTM and its printed versions. There was no Internet, nor Harakah. On November 21, 1985, news splashed across the UMNO-owned New Straits Times--now known for its coverage of stained matresses and the prime minister's brithday--4 policemen, 14 criminals die in clash. No one had bothered to ask them who the criminals were. No one knew what had happened. Only Memali can bear witness to that shameful crime in modern Malaysian history.

The people in Memali, they say, did not merely fight against plain clothes SBs or baton-wielding FRUs. They confronted live bullets, M-16 and armoured vehicles deployed by Mahathir Mohamad, who was also the minister of Home Affairs. And for that, they paid what others never in their wildest dream would.

Memali still haunts today. The villagers who were killed in Memali are now revered as martyrs, and their graves are visited daily by people who are still in a state of deep shock. As Ustaz Fadhil Noor had pointed out in the wake of the massacre, "They may be able to cover up history as it occured today, but they will not be able to continue covering it up ten year, twenty years, thrity years from now."

Thirteen years after the massacre, in the middle of a recent trip, I and some friends stopped by Kampung Memali - which has acquired for Muslims in Malaysia a hallowness similar to Karbala. This is where, they believe, a group of people took a stand and fell martyrs.

Even before we passed the huge signboard announcing that we are in Kampung Memali, an air of contempt for the UMNO government is felt. The white and green flags of PAS were seen everywhere. A huge banner hung across the telephone wire, just opposite the Madrasah where al-Shahid Ibrahim Mahmood had once taught.

We had earlier planned to see the site where the killings took place, the house of al-Shahid Ibrahim, to get some first hand account of what actually happened. We did not know whom to ask. There was nobody around, except a stallkeeper woman who, in between tending to her child, took our orders. There were some children playing Dam (Chess) on a homemade checkered board using Coca-Cola bottle seals. They may be too young to know about the incident.

We asked the woman about Ibrahim Libya without realising that we were actually sitting only a few metres away from the house of Al-Shahid Ibrahim - the place where bullets from automatic machine guns were exchanged for sticks and shouts of takbir.

"How's reformasi over there? " we heard someone addressing us. The woman addressed him "Pak Long". Pak Long came to sit with us. Then, perhaps encouraged by some eager looking people in front him, he began to give some accounts of what had happened in the wee hours of November 20, 1985. "The police had surrounded the whole village by then. Motorists to and fro Memali were stopped and their names taken. Ustaz Ibrahim had just finished delivering his daily lecture--kuliah Subuh--after prayers," he said.

The police wearing all kinds of uniform numbered four thousand - armed and dangerous. They were acting under orders from Mahathir--who was abroad when the massacre tookplace--to arrest the Ustaz. The villagers were ready to defend till their last drop of blood--which they did.

Until today, the crimes allegedly committed by the villagers have yet to be specified. Ustaz Ibrahim Mahmood was to be detained under the infamous ISA but he had refused to give himself up.

Better known as Ibrahim Libya, he was a well respected Islamic scholar who studied in the University of Tripoli. He had also studied in India and al-Azhar in Cairo. Upon his return, he had even appeared on RTM to give talks on Islam. But his close association with PAS worried the Mahathir government so much so Pusat Islam started making allegations of deviation against him.

He had made up his mind that the dreaded ISA must be challenged at any cost. On his return

menghasilkan. Perubahan ini tidak berlaku sekelip mata. Ia adalah hasil perkembangan kuasa produktif masyarakat, dan penghasilan kekayaan materialis yang lebih besar daripada masyarakat-masyarakat awal. Sambil manusia berusaha untuk menguasai bumi ini, mereka mencipta peralatan seperti roda, tenggala dan parit pengairan, yang membenarkan mereka kekal di satu tempat, dan untuk menghasilkan makanan lebih untuk tahun depan dan waktu-waktu susah.

Tetapi bahan lebihan yang dihasilkan tidak mencukupi. Ia tidak mencukupi untuk dibahagikan dan terpaksa 'dikawal' oleh sekumpulan minoriti kecil untuk orang yang lain dalam kumpulan tersebut. Lama-kelamaan, minoriti ini bertumbuh dan merangkul kepentingan yang lain daripada kumpulan dan bermula menganggap bahan lebihan sebagai 'kepunyaan mereka' dan bukannya kepunyaan semua orang. Mereka mengupah kumpulan-kumpulan orang bersenjata untuk mengawal bahan-bahan lebihan itu daripada majoriti dan menggunakan peralatan logam untuk memonopolikan senjata-senjata yang terbaik. Kemunculan harta peribadi dan negara-negara awal juga mengubah sifat hubungan kekeluargaan. Pembahagian pekerjaan pada garisan jantina, buat kali pertama, mendapat kepentingan dari segi kedudukan sosial. Kerana bahan-bahan lebihan baru diwujudkan dalam sfera-sfera yang dikuasai oleh kaum lelaki, kaum lelaki jugalah yang menjadi penikmatnya.

Ahli antropologi, Karen Sacks, menyimpulkan kesan harta peribadi pada kedudukan kaum wanita dalam masyarakat:

Harta peribadi mengubah hubungan di antara lelaki dan wanita dalam rumahtangga hanya kerana ia juga mengubah secara radikal hubungan politik dan ekonomi dalam masyarakat yang lebih luas. Bagi Engels, kekayaan baru dalam binatang-binatang jinak bermakna terdapatnya bahan-bahan lebihan yang diperolehi untuk pertukaran di antara unit-unit produktif. Dengan masa, pengeluaran oleh kaum lelaki khas untuk kegunaan pertukaran berkembang, diluaskan dan menjadi lebih penting daripada pengeluaran untuk kegunaan rumahtangga... Sambil pengeluaran untuk pertukaran menjadi lebih penting daripada pengeluaraan untuk kegunaan sendiri, ia mengubah sifat rumahtangga, kepentingan tugas kaum wanita di dalam rumahtangga, dan akibatnya, kedudukan wanita dalam masyarakat.

Dengan kemunculan masyarakat kelas dan pengurangan kedudukan wanita datangnya kemunculan keluarga yang diswastakan. Sehingga itu, kanak-kanak dianggap sebagai tanggungjawab seluruh kumpulan sosial – keadaan yang penjajah, terutamanya mubaligh Kristian yang menemui masyarakat-masyarakat pra-kelas, menganggap sebagai sesuatu yang ibarat skandal. Dalam masyarakat-masyarakat kelas, kanak-kanak semakin 'dipunyai' oleh ibubapa, bukannya masyarakat, dan ia terpulang kepada keluarga-keluarga untuk membesarkan mereka, menyediakan makanan bagi mereka dan sebagainya. Penindasan kaum wanita terbenam dalam penghasilan semula tenaga pekerja yang diswastakan ini.



Salah satu tanda yang paling jelas bagi pengurangan kedudukan sosial kaum wanita adalah fakta bahawa pewarisan mula mengikuti garisan lelaki dan bukannya garisan wanita. Engels menjelaskan kesan perkembangan harta swasta ini sebagai:

... kekalahan sedunia bersejarah bagi jantina wanita. Kaum lelaki mengambil kuasa di dalam rumah juga; wanita dijatuhkan kedudukan dan dikurangkan kepada penghambaan; dia menjadi hamba nafsu lelaki dan alat untuk melahirkan anak. Kedudukan wanita yang dijatuhkan ini lama-kelamaan telah dicantikkan dan diperbaharui, dan kadang-kala diselimuti dalam bentuk yang lebih senang ditelan; tetapi ia belum lagi dihancurkan.

Kebangkitan masyarakat kelas bukan sahaja membinasakan bagi kaum wanita, tetapi begitu juga bagi kebanyakan kaum lelaki. Untuk kebanyakan lelaki, susunan baru bermaksud lebih banyak kerja, yang juga lebih susah, untuk gaji yang lebih rendah. Pada hari ini, kebanyakan lelaki masih merana akibat sistem yang menindas kaum wanita. Lelaki dari kelas pekerja, terutamanya, tidak mendapat kebaikan dalam mana-mana bentuk daripada penindasan wanita. Fakta bahawa kaum wanita hanya

bandar-bandar dan jumlah paderi pula agak kecil, sehingga ramai orang mendirikan rumahtangga tanpa berkahwin, dalam cara ramai pemuda-pemudi pada hari ini mendirikan rumahtangga.

Revolusi perindustrian dan kebuluran mengubah semua ini. Dengan kemunculan kilang-kilang kain yang besar, penenunan dan penganyaman di rumah tidak lagi dapat ditanggung secara ekonomi. Satu-satunya tempat di Ireland di mana kaim wanita dapat mencari pekerjaan bergaji adalah Belfast. Untuk seabad, kaum wanita tidak mempunyai pilihan selain tinggal di rumah. Kemudian, kapitalisme selepas peperangan membawa pelbagai peralatan yang mengubahkan kehidupan wanita. Sehingga akhir tahun 1960-an, membasuh pakaian mengambil masa selama sehari seminggu, dan menggosok baju sehari lagi. Mesin pembasuh, kain buatan manusia dan perubahan dalam jenis pakaian manusia menjadikan tugas membasuh kain tugas sepuluh minit sehari. Kaum wanita dahulunya meluangkan beberapa jam setiap hari untuk membakar roti dan memasak hidangan sekeluarga. Pasaraya, dengan makanan segera, dan restoran-restoran telah mengubah itu juga.

Kaum wanita memasuki tenaga pekerja dengan berleluasa dan, dengan cepat, mendapati bahawa mereka masih dianggap sebagai rakyat taraf bawahan. Mereka dihalang daripada pelbagai jenis pekerjaan atau dihadkan daripada memasukinya. Jumlah doktor, peguam, hakim, pemandu bas, mekanik dan jurutera dari kaum wanita begitu kecil sekali. Walaupun mereka terpaksa bekerja di luar dan di dalam rumah, kaum wanita masih dianggap sebagai isteri dan ibu.



Gerakan pembebasan wanita pada tahun 1970-an menentang pandangan tersebut. Mendapat ilham dari gerakan hak manusia di Ireland Utara dan Amerika Syarikat, gerakan pembebasan wanita awal bersifat sayap kiri dan ingin mengubah kehidupan semua orang, tetapi khususnya kehidupan wanita dari kelas pekerja. Kaum wanita berhadapan dengan percanggahan dalam cara mereka mengalami kehidupan mereka, dan peranan yang mere diberitahu mereka patut memainkan memerlukan perubahan.

Tetapi idea pembebasan lesap tidak lama kemudian dan digantikan oleh idea 'kesama-rataan,' dan gerakan wanita, seperti gerakan hak manusia di Ireland Utara dan Amerika Syarikat, hanya melayani kepentingan lapisan profesional kelas menengah yang kecil. Perubahan ini dapat berlaku dengan senang kerana ia bersesuaian dengan idea berkuasa dalam gerakan wanita – iaitu konsep patriarki. Ahli-ahli teori patriarki melihat pembahagian utama dalam masyarakat sebagai pembahagian di antara kaum lelaki dan wanita, bukannya di antara orang kaya dan miskin. Mereka melihat semua orang lelaki sebagai berkuasa ke atas kaum wanita. Ini membenarkan mereka memperdebatkan bahawa apabila wanita memasuki kedudukan-kedudukan berkuasa – sebagai pengurus, hakim, ahli politik – mereka dapat memajukan tahap kaum wanita. Malah selepas Margaret Thatcher, Cory Aquino dan orang-orang seperti mereka telah mendedahkan kebenarannya – iaitu bahawa wanita dan kelas pemerintah adalah musuh sebenar bagi pembebasan wanita – idea patriarki masih diajukan sebagai penjelasan mengenai penindasan kaum wanita. Ia telah memasuki haluan utama dalam cara yang agak lemah sedikit. Maka, kita diselimuti oleh pandangan berleluasa bahawa dua jantina dari dahulunya adalah mata wang yang berlainan, bukannya dua sebelah pada duit syiling yang sama; bahawa ia semuanya terletak dalam gen; bahawa kaum lelaki merangkul kenimkatan dari penindasan kaum wanita; bahawa "lelaki berasal dari , dan wanita berasal dari Zhurah."

Teori patriarki bukan sahaja salah, malah ia juga menjadi halangan bagi pencapaian pembebasan wanita. Bagi 95 peratus daripada sejarah manusia, kita hidup dalam masyarakat-masyarakat tanpa kelas di mana kaum lelaki dan wanita mempunyai peranan yang sama rata. Ahli kaji purba dan ahli antropologi sudah banyak mengetahui mengenai masyarakat-masyarakat pra-kelas. Kita mengetahui bahawa apabila manusia hidup dengan bekerjasama dan tidak dibahagikan ke dalam kelaas, kaum wanita tidak ditindas. Ya, terdapat pembahagian tugas mengikut kekuatan lelaki dan tuntutan melahirkan dan menyusu anak. Tetapi pembahagian ini tidak menindas kaum wanita sama sekali. Seorang wanita melahirkan anak dianggap sebagai pemberian besar kepada masyarakat. Terdapat juga bukti yang menunjukkan cara bagaimana melahirkan anak dilihat sebagai sesuatu yang berkuasa. Tuhan-tuhan kesuburan tubuh, seperti Sile na Gig di Ireland, manjadi objek-objek pujaan.

Di dalam masyarakat-masyarakat tanpa kelas ini, kaum wanita memainkan peranan yang sama taraf dengan lelaki dalam tugas mengambil keputusan penting, termasuklah dalam perihal yang mempunyai kesan pada lelaki – memburu, misalnya – dan menikmati kedudukan tinggi. Di dalam masyarakat-masyarakat ini, kumpulan-kumpulan manusia terpaksa bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain untuk hidup. Ini bermakna bahawa seseorang wanita terpaksa menghadkan jumlah kelahiran kepada satu anak dalam tiga atau empat tahun, kerana satu anak sahaja dapat diangkat apabila mereka terpaksa berpindah. Kaum wanita mengawal jumlah anak mereka dengan beberapa cara – melalui pengabaian hubungan seks, pengguguran dan pembunuhan bayi.

Pengakhiran masyarakat-masyarakat sama rata ini tidak muncul akibat komplot lelaki untuk menindas kaum wanita. Ia muncul kerana pembahagian masyarakat ke dalam kelas – satu kelas di mana kebanyakan orang, wanita dan lelaki, berusaha untuk menghasilkan kesemuanya, dan satu lagi, iaitu kelas pemerintah, mencuri kekayaan yang kita

from China, Mahathir said that the villagers had resisted arrest which was a crime. (The Star, December 1, 1985). Since there was (and still is) an increasing tendency to use the ISA to silence political opposition, it is understandable that the only crime the government can pin on Ustaz Ibrahim is said to have been committed after the police were sent in.

"But we were all ready to die... it was for the sake of truth, Pak Long said without regrets. His own relatives had been killed by the police bullets. He told us how almost all the villagers in Memali including women and children were thrown into police trucks and taken away. "The whole Memali was almost deserted. There were no one to arrange a proper burial for those killed," he recalled.

Even now, Memali looks deserted. Except for the occasional passing of motocycles, there was a strange air of silence hanging over the whole village. It was as if the Memali incident has just happened the last week. And looking at the pathetic condition of the madrasah and the



mosque, no one can dispute that the government has disowned the village. The prayer hall looked dilapidated and poorly furnished, a far, far cry from any other mosque in the country. If proof is needed to demolish the myth that Malaysia is a model Muslim country, this could be another one, I thought.

"His widow and the rest of his family still stay here," said Pak Long, pointing towards the house of al-Shahid Ibrahim. It was there that many villagers were shot dead by the notorious Special Action Squad (UTK) from the police force, the same group of thugs who have in recent weeks reemerged in the streets of Kuala Lumpur to attack hapless demonstrators. At the entrance of the house, there were writings about the merit of jihad and martyrdom in Islam.

As we left the village, some questions were still left to be answered. If al-Shahid Ibrahim and his followers were not martyrs, as so vehemently put by Mahathir and other UMNO leaders at that time, and it has not yet been proved that they were criminals and deviants, who were they?

BILAKAH IANYA AKAN BERAKHIR?

Bilakah akan ia berakhir? Dalam dunia hari ini, mereka yang kaya menjadi semakin kaya, dan mereka yang miskin menjadi semakin miskin. Sebelum anda menutup mata malam ini, ambillah masa sebentar untuk mengingati orang di dunia kita ini - lapan ratus juta orang akan tidur walaupun kebuluran malam ini. Dan hari ini sahaja, sekurang-kurangnya lima puluh ribu kanak-kanak akan meninggal dunia akibat kebuluran - dalam erti kata lain, dua belas juta orang akan meninggal dunia setiap tahun akibat perkembangan kekayaan yang tidak seimbang. Sepuluh peratus daripada kanak-kanak di negara-negara Dunia Ketiga akan meninggal dunia sebelum harijadi kelima mereka. Dan lebih satu bilion orang kini hidup ibarat kata pepatah 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' dengan gaji satu dolar setiap hari. Dan berhadapan dengan semua ini, tiga ratus orang yang paling kaya di dunia memiliki kekayaan yang lebih daripada separuh penduduk dunia. Tidakkah ini membangkitkan rasa tidak puas hati dalam minda anda? Bagaimanakah sesiapa yang waras dapat berfikir bahawa sistem seperti ini adalah adil?

Jika anda berfikir bahawa semua ini tidak berkaitan dengan anda, fikirlah lagi. Mungkin ini merupakan sebuah idea yang selalu diperkatakan, tetapi jika anda bukan sebahagian daripada penyelesaiannya, anda adalah sebahagian daripada masalahnya. Jika anda tetap mendukung pendapat bahawa dunia kita memang adil, maka anda sebenarnya tidak menghiraukan suara lebih daripada tiga perempat penduduk dunia. Ramai orang sanggup bergoyang kaki sambil menyaksikan dunia kita mati dengan mata kita sendiri - ramai orang tidak membuat apa-apa mengenai apa-apa. Kita semua mendakwa bahawa kita menghendaki sebuah masa depan yang cerah bagi anak kita, tetapi begitu jarang sekali kita melakukan apa-apa untuk mencapai matlamat itu. Memang senang bagi kita tidak menghiraukan apa yang berlaku di dunia, memang senang kita menutup mata sesuka hati. Umat manusia semakin tenat, dan melalui ketidak-pedulian kita, anak kita tidak akan mempunyai masa depan langsung.

Dalam karya The Grapes of Wrath, John Steinbeck menulis, "Jika anda yang memiliki benda yang diperlukan orang ramai boleh memahami ini, mungkin anda dapat menyelamatkan diri anda. Jika anda dapat membezakan penyebab daripada akibat, jika anda dapat memahami bahawa Paine, Marx, Jefferson dan Lenin merupakan akibat, bukan penyebab, mungkin anda akan terselamat. Tetapi

itu anda tidak dapat memahami, kerana sifat memiliki benda itu akan senantiasa membekukan anda sebagai 'saya' dan senantiasa memotong anda dari 'kita.'"

Steinbeck menujukan petikan ini kepada pihak kapitalis, iaitu mereka yang mencabuli dunia dalam mengejar duit, mereka yang sanggup menjadi gemuk di belakang kesengsaraan orang ramai. Pihak kapitalis itulah yang merampas segala harta benda daripada mereka yang bertungkus-lumus menghasilkannya. Pihak kapitalis itulah yang duduk di sebalik perusahaan-perusahaan gergasi yang telah menindas umat manusia dalam kejaran keuntungan. Merekalah perusahaan seperti McDonald's yang menyarankan globalisasi tanpa kawalan, perusahaan seperti Shell yang memusnahkan alam semulajadi, perusahaan seperti Nestle yang mementingkan keuntungan sebelum nyawa manusia, perusahaan seperti Nike yang mencabuli hak kanak-kanak di kilang-kilangnya.



Tidak percaya? Biarlah saya memberikan anda sebuah contoh: Perusahaan The Gap masih enggan membayar pekerjanya gaji yang memadai, dan masih mengerjakan pekerja bawah umur dalam keadaan yang tidak berperikemanusiaan di kebanyakan negara membangun. Kumpulan syarikat Fisher (yang menubuhkan Gap Incorporated) dilaporkan bernilai sebelas bilion dolar Amerika, dan pengerusi The Gap, Millard Drexler, dilaporkan mendapat gaji dua puluh empat ribu dolar setiap jam. Walaupun itu, mereka enggan membayar pekerja mereka gaji yang lebih (ramai daripada pekerja mereka itu bekerja untuk gaji satu dolar setiap hari). Lebih-lebih lagi, mereka enggan membiayai program pengekalan dan pemulihan hutan yang dimusnahkan oleh perusahaan mereka; dalam erti kata lain, mereka sanggup membunuh dan mencabuli alam semula jadi semata-mata mencari keuntungan. Tetapi bukan sahaja The Gap yang berbuat sedemikian - hampir setiap perusahaan kapitalis telah memperdayakan kita.

Belum mencukupi bagi anda? Timbanglah fakta ini - lebih empat ratus juta orang di dunia hidup di bawah pemerintahan rejim diktator atau rejim ketenteraan yang dibiayai oleh perusahaan multinasional. Mengapa? Perusahaan-perusahaan tersebut mendapat keuntungan besar dan tenaga pekerja yang murah daripada rejim-rejim tersebut. Masih belum mencukupi? Perbelanjaan bagi senjata dan tentera di seluruh dunia kini melebihi tujuh ratus bilion dolar setiap tahun. Alangkah baiknya jika kita mementingkan nyawa manusia sebagaimana kita mementingkan membunuh manusia. Negara-negara maju di dunia membelanjakan lebih kurang lima puluh bilion dolar setiap tahun untuk makanan haiwan jinak dan minyak wangi - duit sebanyak itu dapat membiayai program pendidikan, makanan, kesihatan dan pengairan bagi mereka yang sekarang belum menikmati infrastruktur seperti itu... dengan baki lebih sepuluh bilion dolar. Dan Bill Gates seorang dapat membiayai pendidikan, kesihatan dan bekalan air yang bersih bagi empat juta orang di dunia yang belum menikmati kemakmuran itu... dan dia tetap seorang jutawan selepas itu.

Bukalah mata anda! Setiap langkah yang pernah diambil untuk meningkatkan keadaan pekerja, menaikkan gaji, masa bekerja yang lebih pendek, hak kanak-kanak, hak wanita, hak kumpulan minoriti - semuanya ditentang oleh penyokong kapitalisme. Semasa setiap aksi mogok atau demonstrasi, mereka yang memegang kuasa keluar seperti biasa untuk mewakilkan tuan mereka yang tamak serta menyelamatkan harta mereka, untuk menjaga kekayaan kumpulan elit itu. Media massa pula mengisi minda kita dengan sampah-sarap mengenai penyanyi gemaran ramai, atau di mana kedai terbaru Starbucks and dibuka, dan isu-isu penting pula dilupakan. Bukalah akhbar harian dan anda tidak akan dapat membaca perdebatan mengenai isu-isu ini. Pasangkan television dan anda diserang oleh karut-marut mengenai fesyen terbaru dan sensasi remaja yang paling memberahikan. Setiap bahan propaganda yang kita mendengar memberitahu kita bahawa sistem kapitalisme memang berjaya, bahawa kita hidup dalam sebuah sistem demokrasi di mana hak setiap individu terjamin. Fikirlah mengenai itu sebentar. Kita bukannya hidup dalam sebuah demokrasi, lebih tepat dikatakan kita hidup dalam sebuah plutokrasi - kita hidup dalam masyarakat di mana kekayaan berhaluan ke atas, ke dalam poket pengusahawan kapitalis tamak, yang kemudiannya mengawal apa yang kita dengar, lihat dan cakap.

Terdapat begitu banyak benda yang kita dapat beli, begitu banyak untuk dibelanjakan, sehingga kita tidak berfikir lagi. Bagi ramai orang, sistem ini tidak dapat diubahkan lagi. Tidak ada guna bertanya jika kita menyukai sistem kapitalis ini, kerana ia tidak dapat dihancurkan. Dewasa ini, terdapat penekanan untuk membeli dan mengguna, untuk memiliki kereta yang paling mewah, rumah yang paling besar dan pekerjaan yang paling lumayan. Pada pilihanraya yang seterusnya, kita akan mengundi untuk calon yang menyajikan kita tawaran yang paling hebat.

bukan USAID, untuk memberikan pengguguran anak atau maklumat mengenainya, atau untuk mempengaruhi kerajaan untuk mengesahkan keguguran anak di sisi undang-undang. Jika mereka melanggar perintah ini, mereka tidak dapat menerima bantuan USAID untuk mana-mana perkhidmatan mereka. 'Sumbatan global' ini sedang meletakkan kehidupan wanita dalam kebahayaan. Daripada 40 hingga 60 juta keguguran anak yang berlaku setiap tahun, sekurang-kurangnya 20 juta dilakukan di bawah keadaan-keadaan yang tidak selamat. Sekurang-kurangnya 100,000 wanita meninggal dunia setiap tahun akibat keguguran yang tidak selamat. Beribu-ribu lagi mengalami kecederaan fizikal yang serius, kemandulan, kecacatan dan/atau pemenjaraan. Di Nepal, misalnya, beribu-ribu wanita meninggal dunia setiap tahun akibat keguguran haram. Satu perlima daripada wanita di dalam penjara di Nepal berada di sana kerana keguguran anak – mereka akan berada di dalam penjara di antara dua tahun dan seumur hidup. Akibat kadar kematian wanita semasa kelahiran yang tinggi di Nepal, terdapat beberapa gerakan menuju pengesahan keguguran sekurang-kurangnya di bawah keadaan-keadaan tertentu, tetapi 'sumbatan global' sudah mengakibatkan beberapa NGO mengasingkan diri mereka daripada kempen untuk mengesahkan keguguran anak.

Di merata-rata, di samping kemajuan dalam kebebasan bagi wanita dan perubahan dalam kehidupan kekeluargaan, telah muncul 'beban berkepala dua' – iaitu kesusahan untuk melakukan tugas-tugas kedua di rumah, iaitu memasak, mengemas dan, yang penting, menjaga anak. Menjaga bayi baru dan kanak-kanak sambil mereka membesar bukanlah sesuatu yang senang bagi sesiapa yang hidup dalam kemiskinan, tetapi penjagaan anak adalah satu perkara di mana kehidupan di bandar menjadi kehidupan wanita lebih susah kerana kekurangan sokongan keluarga seperti di kawasan kampung. Ini adalah sebahagian daripada 'perlumbaan ke bawah.' Aspek paling teruk mengenai ini adalah pilihan yang dihadapi oleh ramai wanita di antara mencari makanan untuk anak mereka dan menjaga mereka. Pilihan ini bermula di beberapa negara sejurus selepas anak mereke dilahirkan – di mana tidak terdapatnya hak kebangsaan bagi cuti kehamilan, wanita tidak mempunyai pilihan selain kembali bekerja tidak lama selepas melahirkan anak. Jennifer bekerja di ladang sisal di Kenya. Pihak majikan dia tidak membenarkan kanak-kanak di ladang. Apabila Jennifer kembali bekerja, adik perempuannya menjaga anak Jennifer. Dia hanya dapat menjaga anaknya pada awal pagi dan lewat petang selepas bekerja: "Saya tinggal di rumah hanya selama empat minggu selepas melahirkan anak saya kerana saya memerlukan duit... Ia memang menyakitkan hati untuk berjauhan daripada anak saya... Saya tidak mempunyai pilihan selain kembali kepada pekerjaan saya dengan gaji rendah."

Esther Wairimu pernah bekerja di ladang kopi, juga di Kenya, sehingga sehari sebelum kelahiran anak keduanya, dan kemudian kembali bekerja tiga minggu selepas kelahiran itu. "Saya tidak mempunyai suami dan tidak ada sesiapa untuk menolong saya," dia berkata. Dia mengangkat bayinya pada belakangnya supaya dapat memberi makanan dan menjaga bayinya itu. "Ibu yang mengangkat bayi mereka di tempat bekerja adalah kebiasaan di ladang-ladang, walaupun ia diharam secara rasmi," kata pemimpin kesatuan pekerja, Kathini Maloba-Caines:

Masalahnya adalah bahawa ladang-ladang hari ini bukanlah yang sama dengan ladang di mana ibu-ibu kami mengangkat kami. Ladang-ladang hari ini dipenuhi racun-racun dan bahan-bahan kimia lain, yang begitu merbahayakan bagi kanak-kanak, lebih lagi daripada ibu. Secara fiziologi, bayi-bayi lebih cepat dilukai oleh racun-racun daripada orang dewasa. Dalam kes sisa-sisa racun, kesan-kesannya mungkin tidak kelihatan sehingga tiga tahun kemudian.

Evaline bekerja sebagai pembersih hospital di Nairobi. Dia mengambil cuti kehamilan tanpa gaji hanya selama dua bulan. Apabila dia kembali bekerja, dia meninggalkan bayinya di rumah tanpa jagaan. Rumahnya di asrama hospital terletak lima minit dari tempat bekerjanya.

Saya akan curi-curi pada waktu bekerja untuk memberi makanan kepada anak saya... Saya berasa takut sekali, tetapi apakah yang saya dapat lakukan? Saya menjadi biasa dengan ini... Kemudian, apabila dia menjadi cukup besar untuk berjalan, saya mengikat tangannya ke katil dengan tali agar dia tidak dapat berjalan dan melukai dirinya.

Lorna bekerja di sebuah kilang baju di EPZ Matcan, di Filipina. Dia tinggal dengan tiga orang anaknya di bahagian miskin bandar Cebu. Apabila dia pergi bekerja setiap pagi, anak sulungnya yang berumur lapan tahun mencuba menjaga adik-adiknya. "saya meminta jiran-jiran saya menolong. Mereka juga sibuk, tetapi mereka juga adalah satu-satunya tempat saya boleh meminta pertolongan," dia berkata. Dia menyedari bahawa anak-anaknya seringkali berkeliaran di jalanraya dengan kawan-kawan, dan itu membimbangkannya. Anak sulungnya patut berada di sekolah, tetapi Lorna tidak mempunyai duit yang mencukupi untuk buku-buku dan bekalan-bekalan yang lain. Percubaan Lorna untuk mendukung tugas mencari makanan dan menjaga anaknya gagal apabila dia kembali bekerja selepas kelahiran anak ke-empatnya. Bayi berumur tujuh bulan itu ditinggalkan di rumah dengan anak-anak Lorna yang lain, yang mencuba memberi makanan kepadanya. Di tempat tinggal Lorna, tidak terdapatnya bekalan air bersih, dan bayi Lorna meninggal dunia akibat penyakit cirit-birit. Di EPZ Las Mercedes di Nikaragua, satu pertiga daripada pekerja wanita berkata bahawa mereka dilarang mengambil cuti apabila anak mereka sakit. Kerana mereka bekerja dari 6 pagi sehingga 6 malam, anak-anak mereka terpaksa diabaikan atau dibiarkan di rumah sepanjang hari kerana ibu mereka tidak mampu mengupah orang untuk menjaga mereka.

Kemiskinan memaksa wanita yang tidak layak untuk cuti kehamilan yang dibayar untuk kembali bekerja secepat mungkin, sambil kekurangan jagaan anak bermaksud mereka menghadapi pilihan-pilihan kejam berkenaan dengan kehidupan anak mereka. Keadaan-keadaan ini tidak terhad kepada dunia membangun. Kajian mengenai perlibatan ibu-ibu dalam tenaga pekerja dalam ekonomi Harimau Celtic Ireland, dan jumlah tempat bagi kanak-kanak di taska-taska, tadika-tadika dan sebagainya, meninjukkan bahawa terdapat ibu di Ireland yang terpaksa bergantung kepada jagaan anak yang kurang memuaskan, yang mungkin tidak berfungsi dan menbiarkan anak-anak di rumah bersendirian.

Walaupun berhadapan dengan masalah-masalah ini, jumlah wanita yang semakin meningkat membuat keputusan untuk menghadapinya dengan sendiri, dan enggan kekal dalam hubungan dengan pasangan yang ganas atau hubungan yang tidak menggembirakan. Di kebanyakan kawasan dunia, biarpun dunia maju atau dunia membangun, satu pertiga daripada rumahtangga kini diketuai oleh seorang wanita tanpa suami.

Patriarki atau kelas?

Panik moral mengenai perubahan-perubahan ini, terutamanya berkenaan dengan ibu-ibu yang bekerja dan jumlah anak yang dilahirkan sebelum berkahwin, memberikan gambaran bahawa gubahan keluarga baru ini menentang 'sifat manusia.' Sebenarnya, seperti yang ditunjukkan oleh Engels dalam Origin of the Family, Private Property and the State, cara sesebuah keluarga disusun telah berubah berkali-kali sepanjang sejarah. Engels menunjukkan bahawa perubahan dalam struktur kekeluargaan dan dalam cara anak dijaga sebenarnya berhubungan dengan cara keperluan materialis kehidupan dihasilkan. Perubahan dalam kehidupan wanita dan keluarga di Ireland adalh contoh baik bagi ini. Sehingga pertengahan abad yang lalu, kaum wanita memainkan peranan penting dalam ekonomi rumahtangga. Pendapatan dari penenunan dan penganyaman wanita memberi peluang untuk sesebuah keluarga membeli keperluan yang mereka tidak dapat menanam sendiri. Pada tahun 1841, kaum wanita terlibat dalam lebih separuh daripada tenaga pekerja bukan pertanian di Ireland. Pada masa yang sama, jumlah orang yang kecil di Ireland telah berkahwin dengan rasmi. Pendaftar rasmi hanya terdapat di



Terdapat pendapat di kalangan pengulas Eropah bahawa pertumbuhan dalam kebebasan wanita hanya dapat dikatakan bagi dunia maju, dan sudah tentu bukan bagi Asia. Tetapi terdapat bukti kukuh dari Negara Thai, India, Korea, Indonesia dan negara-negara Asia yang lain bagawa kesan kaum wanita bekerja di luar rumah adalh mirip tanpa mengira benua. Maka, satu kajian pada hujung tahun 1980-an mendapati bahawa para pekerja wanita di kilang di negara-negara Asia Tenggara mempunyai kebebasan peribadi yang lebih, termasuk kebebasan memilih pasangan dalam perkahwinan, daripada mereka yang tinggal di kawasan perkampungan. Sebuah kajian pekerja wanita Negara Thai pada tahun 1990-an menunjukkan bahawa bekerja di bandar-bandar membawa peningkatan dalam kebebasan – hampir 60 peratus daripada pekerja wanita di kilang berasa lebih bebas di kawasan bandar, jauh dari keluarga-keluarga mereka. Seawal pertengahan tahun 1980-an, 34 peratus daripada penghuni bandar dilaporkan hidup bersama-sama sebelum berkahwin. "Apabila anda menjadi bebas dari segi kewangan, anda juga menjadi bebas dari segi yang lain," kata Vinutha, yang bekerja untuk syarikat program komputer di Bangalore, India. Sahabatnya, Lakshmi, bersetuju. Dia memang jelas mengenai perkahwinan yang dikehendakinya. Dia akan terus bekerja dan akan menjaga seorang atau paling sekali, dua orang anak (tanpa mengira jantina), dan jika suami dia melayaninya dengan keras, dia akan "mencari di tempat lain." Pada tahun 1999, Ji Ungkaporn memulakan kajian mengenai pekerja wanita di sebuah kilang pengeksport baju dalam di Bangkok, khususnya untuk mengkaji sikap mereka terhadap perkahwinan dan perihal seksual secara umum. Walaupun terdapat pandangan umum bahawa pekerja wanita Asia biasanya belum berpasangan, 53 peratus daripada wanita yang dikaji sudah berkahwin. Apabila ditanya mengapa ada pekerja wanita yang belum berkahwin, jawapan mereka hampir serupa dengan jawapan wanita yang ditemuramah dalam kajian Mary Beth Mill mengenai pekerja wanita Bangkok dari kawasan perkampungan. Hampir dua perlima daripada wanita yang dikaji oleh Ungkaporn berkata bahawa wanita yang belum berkahwin mungkin mengidamkan kebebasan dari kaum lelaki, dari segi urusan kewangan dan tugas-tugas rumahtangga. Satu perlima daripada mereka berpendapat bahawa mereka 'belum bersedia' untuk berkahwin, kerana mereka masih menghantar duit pulang ke kampung untuk menyokong keluarga mereka, sambil satu persepuluh berpendapat bahawa mereka belum menemui pasangan yang baik. Lima belas peratus lagi berkata bahawa tidak terdapatnya sebab untuk berkahwin, kerana anda dapat hidup dengan seseorang tanpa berkahwin. Ditanya mengenai hubungan seks sebelum berkahwin, 77 peratus berkata bahawa ia ada;ah perkara 'biasa' dalam masyarakat Negara Thai moden, sambil 22.6 peratus berkata bahawa ia memang mustahil untuk mengetahui apa yang berlaku dalam kehidupan peribadi seseorang. Hanya 0.4 peratus berpendapat bahawa ia adalah perkara yang jarang berlaku. Secara umumnya, Ungkaporn mendapati bahawa:

Sikap-sikap terhadap hubungan seks dan perkahwinan begitu berbeza daripada kebiasaan moral yang diajar di sekolah-sekolah, dan dilaungkan oleh media massa dan ahli-ahli politik. Hubungan seks dan perkahwinan seolah-olah dipisahkan. Ramai pekerja wanita di kilang mungkin belum berkahwin secara rasmi, tetapi itu tidak bermakna bahawa mereka tidak mempunyai pasangan.

Penyebaran kapitalisme global bukan sahaja membawa peningkatan dalam kebebasan seksual, tetapi juga dalam komodifikasi setiap bahagian kehidupan kita, termasuklah hubungan seks. Maka, di mana-mana kapitalisme meluaskan dirinya, terdapat juga peluasan industri seks. Ireland, negara yang pernah mengharamkan karya-karya James Joyce kerana ia dianggap terlalu lucah dan negara yang mengharamkan ubat pencegah kehamilan sehingga akhir abad ke-20, kini mempunyai rak-rak yang dilengkapi dengan kelucahan, majalah-majalah 'Lelaki Baru,' industri pelacuran dan membesar dan kelab-kelab kelucahan.

Terdapat taraf tidak sama-rata hampir di semua tempat mengenai akibat aktiviti seksual – iaitu kehamilan, tanpa mengira jika ia dikehendaki atau sebaliknya. Di beberapa EPZ, terutamanya di Amerika Tengah dan Amerika Latin, tetapi juga di Taiwan dan Filipina, kaum wanita perlu mengambil ujian kehamilan sebelum diupah. Seorang doktor yang bekerja untuk sebuah perusahaan multinasional di sebuah maquiladora Meksiko memberitahu Pengawas Hak Manusia [Human Rights Watch]:

Apabila saya bermula bekerja untuk Matsushita, pengurus pekerja memberitahu saya untuk memastikan bahawa saya menguji setiap pemohon wanita yang belum berkahwin... kerana wanita yang hamil terlalu mahal bagi syarikat itu. Ia seolah-olah itulah satu-satunya tugas saya. Saya memang dijijikkan, tetapi saya melakukan pengujian kehamilan itu. Terdapat ketika apabila saya begitu marah... dengan cara mereka mengeksploitasi wanita muda ini, sehingga saya memberitahu mereka [pengurus] bahawa wanita tersebut bukan hamil walaupun mereka memang hamil.

Tidak terdapat pekerja yang hamil di maquiladora yang pasti bahawa dia akan dapat menyimpan pekerjaannya, tanpa mengira berapa lama dia sudah bekerja untuk firma tersebut. Para pekerja yang ditemuramah oleh Human Rights Watch melaporkan bahawa apabila mereka menjadi hamil, keadaan bekerja yang susah – tugas-tugas fizikal yang susah, pekerjaan yang memerlukan pekerja itu berdiri untuk jangka masa yang lama, kerja lebih masa – digunakan untuk memaksa mereka bersara. Pekerja wanita di maquiladora "tidak dapat memilih menjadi ibu dan tidak dapat memilih menggugurkan anak," kata Reyna Montero, bekas pekerja kilang yang kini bekerja di Pusat Wanita di Tijuana. Penggguguran anak dihadkan dengan rapi di Meksiko, dan 'perintah sumbatan global' George W. Bush ingin mengekalkan kezaliman ini.

'Perintah sumbatan global' yang dikenakan semula pada 22hb Januari 2001 oleh George W. Bush menghalang pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tidak berasal daripada Amerika Syarikat untuk menggunakan dana kewangan,

Tetapi sistem kapitalis ini sebenarnya hanya menolong segelintir manusia dan dengan perlahan-lahan membunuh kesemua orang yang lain. Kemanakah hilang kemoralan kita? Sejak bilakah kita tidak lagi mempersoalkan kesemua yang zalim dalam dunia ini? Kemanakah hilang nilai yang kita pernah pegang suatu masa dahulu? Kapitalisme hanya membantu segolongan manusia yang kecil - ia tidak menolong mereka yang miskin, para pekerja, para petani, penghijrah ke bandar... senang kata, ia tidak menolong majoriti manusia.

Revolusi menentang sistem zalim ini sudah bermula. Ia merupakan sebuah revolusi yang berpotensi mengubah segala yang salah dengan dunia kita. Saya tidak peduli jika anda berfikir bahawa kesemua yang ditulis di atas ini karut atau tidak penting. Revolusi telah bermula, dan saya sedang membuat apa yang saya dapat. Saya sekadar mencuba mengubah ketidak-adilan yang saya dapat lihat. Bukankah itu yang penting? Keamanan, kasih sayang dan kehormatan. Nyawa sebelum keuntungan, kasih sayang sebelum modal, keamanan sebelum peperangan, kehormatan sebelum kekayaan. Nyawa manusia sebelum apa-apa lagi.

Apa yang dapat anda lakukan? Sebagai permulaan, jika anda percaya dengan apa-apa yang anda baru baca ini, tolong sebarkan petikan ini kepada sesiapa yang anda kenali. Dan sertailah revolusi untuk menamatkan kapitalisme. Carilah jawapan anda yang tersendiri dan janganlah percaya dengan buta apa yang penguasa kapitalis itu menyarankan anda percaya. Jika anda benar-benar ingin mencipta sebuah masa depan yang cerah bagi anak-anak kita, maka perjuangan mesti bermula SEKARANG. Berdirilah untuk apa yang anda pentingkan dan bebaskan anak-anak kita sebelum mereka menjadi hamba sistem kapitalis. Seperti yang pernah dikatakan oleh penulis dari India, Arundhati Roy, "Mungkin abad ke-21 akan menyaksikan kebinasaan yang Besar. Bom besar, empangan besar, wira besar, kesalahan besar. Mungkin ia akan menjadi abad untuk orang kecil."
Jangan sekali-kali menafikan kekuatan individu - anda boleh membuat pengubahan.

oleh: Muhammad Salleh



KENAPA SAYA BUKAN KOMUNIS?

PETIKAN DARIPADA BUKU PILIHANRAYA ATAU PILIHAN JALANRAYA OLEH HISHAMUDDIN RAIS.

Jika ditanyakan satu perkataan dalam Negara kita yang paling tidak difahami, selalu disalahertikan dan sering disongsangkan maknanya; maka saya akan menjawap, communist atau komunis.
Satu ketika dahulu, Wilfred Burchett, seorang wartawan Australia, telah dituduh sebagai komunis oleh kerajaan konservatif Australia. Hak kerakyatannya dirampas. Beliau kemudian diberi suaka politik oleh Republik Rakyat Vietnam. Sebagai wartawan, beliau terus menulis dan memimpin The Guardian Weekly yang diterbitkan di Amerika. Mingguan bebas ini telah menjadi bahan wajib untuk sesiapa sahaja yang prihatin terhadap perang Vietnam pada 1960-an hingga 1970-an. Anak muda dan siswa dari Melbourne, Paris hingga ke Berkeley- semuanya akan cuba membaca akhbar berhaluan kiri ini.

Apabila kerakyatannya dirampas Burchett telah ditanya oleh seorang wartawan: "Are you a communist?" Tanpa berfikir banyak beliau menjawab " I am an Australian, mate." Ini berlaku dalam suasana Perang Dingin, apabila pertempuran ideology antara kapitalisme dan sosialisme sedang hebat berjalan. Amerika Syarikat yang mewakili kepentingan kaum pemodal antarabangsa sedang mengancam Negara-negara Dunia Ketiga yang baru merdeka atau sedang berjuang menuntut kemerdekaan. Negara-negara Dunia Ketiga pula dibantu oleh blok Soviet dan Cina yang menyokong hak rakyat tanah jajahan untuk menentukan nasib mereka sendiri. Dalam suasana siasah inilah munculnya kesongsangan takrifan makna perkataan komunis itu dalam Negara kita.

Perkataan communist atau komunis berasal dari perkataan Perancis commune. Perkataan ini membawa makna daerah tempat tinggal satu kumpulan manusia. Jika ditukarkan ke bahasa Melayu, istilah itu bermakna mukim atau kampong. Semua warganegara Belgium, Perancis dan Switzerland tinggal dalam sebuah commune yang kemudian menjadi daerah dan akhirnya Negara. Apabila mula sampai ke Belgium, saya tinggal dalam commune Braine-le-Comte. Ini bukan bermakna saya menjadi komunis Braine-le-Comte. Apa yang terjadi ialah saya menjadi sebahagian komuniti dan masyarakat di commune ini. Perkataan commune membawa konsep komuniti dan komunikasi-perhubungan sesame manusia – secara luas membawa konsep kemasyarakatan. Makna komunis seperti ini sengaja disongsangkan oleh penjajah Inggeris dan diterus digunakan oleh Umno hingga ke hari ini. Inggeris menyongsangkan makna komunis ini untuk terus menjajah Tanah Melayu. Mereka sedar bahawa satu-satunya kuasa yang boleh menumpaskan kuasa penjajah dan

imperialis Inggeris di Tanah Melayu ialah kekuatan politik dan ideology Parti Komunis Malaya.

PKM memang mengangkat senjata untuk membebaskan Negara daripada terus menjadi tanah jajahan Inggeris. Mereka memang menembak mati musuh mereka- kapitalis dan pemodal – yang menjajah dan memunggah harta kekayaan Negara kita. Mereka menjalankan taktik revolusi bersenjata untuk mempertahankan diri dan melawan kekuatan tentera Inggeris dan tentera Negara-negara Komanwel. Bagaimanapun harus disedari bukan semua pejuang dalam PKM itu insane komunis. Dan bukan semua yang mengangkat senjata itu ahli Parti Komunis Malaya. Mereka sebaris bersatu berjuang kerana ingin membebaskan Tanah Melayu.

Penjajah Inggeris yang terdesak telah menjalankan perang saraf yang licik untuk menggambarkan bahawa komunis itu jahat dan ganas, pembunuh dan bandit. Kepada mereka yang mempunyai pegangan agama, komunis ditohmahkan anti-Tuhan dan tidak mempercayai agama. Hingga ke hari ini, saya lihat takrifan ini masih digunakan oleh Umno dan kerajaan Barisan Nasional. Momokan komunis terus digunakan untuk memfitnah musuh-musuh politik Umno

Kerana Perang Dingin telah selesai, maka menjadi kewajipan intelek saya untuk menerangkan kepada orang ramai apakah sebenarnya insane yang dipanggil komunis. Telah sampai masanya momok



komunis itu dihapuskan. Kita sebagai rakyat tidak perlu lagi takut kepada perkataan komunis itu atau mudah ditakut-takutkan dengan momok komunis.

Bagi saya, seorang komunis itu adalah insane yang tinggi inteleknya, luas pembacaan dan luas bidang pemikirannya. Insan komunis adalah seroang internasionalis – berjuang bukan untuk bangsa tetapi untuk seluruh kemanusiaan. Insan komunis menolak kotak-kotak kecil yang memisahkan sesama manusia. Secara tidak sengaja dia dilahirkan di Tanah Melayu, maka kancah perjuangannya di bumi Melayu ini. Jika dia dilahirkan di Berlin maka di Berlin pula dia akan berjuang. Insan komunis tidak mempunyai sikap dan nilai perkauman. Jika dia seorang lelaki dia akan menghormati wanita bukan sebagaiobjek seks tetapi sebagai manusia. Insan komunis adalah seorang feminis dan tidak sexist nilai hidupnya. Komunis tidak mempunyai nilai prangsaka tanpa penelitian yang rapi. Seorang komunis menghormati budaya-budaya dan cara hidup insan lain. Insan komunis akan melangkah satu kilometer ke hadapan untuk melakukan kebaikan. Insan komunis tidak pernah berundur daripada berfikir, menulis dan bercakap tentang kebenaran. Insan komunis menghormati kepercayaan mereka yang beragama dan juga menghormati kepercayaan mereka yang tidak beragama. Insan komunis mungkin beragama dan mungkin tidak beragama. Seorang komunis adalah intelek tulen yang mengabdikan hidupnya kepada kebenaran.

Pernah pada tahun 1977, saya ditanya oleh seorang anggota Parti Buruh di Australia, apakah 'Tiga Abdul' yang ditahan di bawah akta ISA itu orang-orang komunis. Jawapan saya cukup senang. Mereka bukan komunis kerana mereka tidak mempunyai nilai-nilai yang setaraf dengan nilai insan komunis. Adalah satu komedi absurd jika 'Tiga Abdul' ini diangkat ke taraf komunis. Baru-baru ini Siqiu yang membuat rayuan pilihanraya untuk masyarakat Tionghua telah dituduh sebagai komunis. Tuduhan ini adalah salah dan tidak betul. Telah amat jelas bahawa Suqiu bukan komunis – mereka tidak mempunyai nilai-nilai komunis yang unggul, suci, dan bersih. Mereka bukan mewakili golongan tertindas – mereka mewakili golongan pemodal pertengahan bangsa Cina. Berdolak-dalik bukan sifat insan komunis. Insan komunis pendiriannya teguh dan tidak pernah goncang. Datanglah apa saja, termasuk tali gantung – insan komunis tidak pernah mengundur.

Saya selalu juga ditohmah sebagai seorang sosialis dan komunis. Saya rasa ini adalah satu penghormatan yang terlalu tinggi untuk diri saya. Saya tidak sanggup menerima penghormatan ini. Saya terpaksa menolak kerana saya tidak mempunyai kualiti dan nilai-nilai hidup seorang insan komunis. Menuduh saya sebagai seorang komunis samalah seperti mengangkat martabat saya ke satu tahap insan yang begitu suci.

Seminggu sebelum saya meninggalkan kota London setelah 20 tahun tidak pulang ke Malaysia, saya telah ditanya oleh seorang wartawan wanita di kota itu – apakah saya seorang komunis? Lalu saya menjawap " Saya bukan komunis – saya daripada suku Biduanda dari jelebu, Negeri Sembilan."



Dalam 30 tahun yang lalu, kaum wanita telah melangkah begitu jauh. Kehidupan kita lebih mulia dan bernilai daripada dahulu, tetapi kehidupan kita juga begitu susah... percanggahan-percanggahan yang dihadapi oleh kaum wanita tidak pernah sebegini menyakitkan... Di setiap penjuru, wanita yang tidak bersuara mengalami kesengsaraan tanpa akhir, kepedihan dan kesakitan dalam sistem dunia yang mewujudkan berbilion-bilion orang yang kalah bagi beberapa orang pemenang. Ia sudah tiba masanya untuk menjadi marah sekali lagi. Germaine Greer

Globalisasi telah membawa kesan-kesan yang begitu negatif bagi kaum wanita dan kanak-kanak sehingga beberapa orang pengulas berkata bahawa 'globalisasi adalah sama dengan kaum lelaki.' Mereka menunjukkan cara kaum wanita merana akibat polisi-polisi Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia, apabila perkhidmatan awam dipotong dan mereka terpaksa menjaga mereka yang sakit, kurang bernasib baik dan saudara-mara yang tua, sambil mencari pendapatan. Tetapi globalisasi boleh juga dikatakan sama dengan wanita. Peluasan kapitalisme ke merata dunia telah bergantung kepada kemasukan berjuta-juta orang wanita ke dalam tenaga pekerja, yang secara tradisional telah bergantung kepada suami-suami dan saudara lelaki. Globalisasi telah membawa kesan-kesan yang bercanggah bagi kaum wanita. Mereka yang menyamakan globalisasi dengan jantina lelaki memang betul untuk menunjukkan bagaimana peranan wanita dalam pengeluaran dan keluarga bermaksud mereka mengalami kesengsaraan yang lebih akibat agenda neo-liberal – tetapi itu hanyalah sebahagian daripada ceritanya. Ia juga telah membawa kebebasan bagi kaum wanita, terutamanya bagi mereka yang hidup di negara-negara konservatif seperti Indonesia, Ireland dan Negara Thai, di mana kaum wanita dapat hidup dengan bebas, dari segi ekonomi, dari kaum lelaki dan sekurang-kurangnya mempunyai pilihan terhad dalam kehidupan peribadi mereka. Akhirnya, dengan membawa kaum wanita ke dalam tenaga pekerja, globalisasi telah memberikan kaum wanita kuasa yang tidak dipegang pada masa dahulu – iaitu kuasa untuk mengakhiri sistem yang menjana kemiskinan, pengeksploitasian dan penindasan.

Pekerja wanita – enjin globalisasi

Perkembangan kapitalisme di merata dunia dalam 20 tahun yang lalu telah bergantung kepada kaum wanita membanjiri tenaga pekerja. Dari Dublin ke Dhaka, Bangkok ke Bradford, para pekerja wanita telah memberikan tenaga pekerja yang murah dari mana keuntungan besan diperah. Rajah 1 menunjukkan tahap ke mana pekerja wanita telah memenuhi tenaga pekerja di ekonomi-ekonomi 'Harimau' Asia dan Celtic. Jumlah pekerja wanita hampir berganda di negara-negara ini dalam dua dekad yang lalu.

	1980	1985	1990	1995	1997	1999
Indonesia	16,934.6	22,506.5	29,422.7	31,729.0	33, 079.0	-
Ireland	346.4[1]	332.0	371.5	482.9	539.7	643.9
Negara Thai	10,657.0	10,749.1	14,386.2	14,795.2	15,041.3	14,365.9
Korea	5,222.0	5,833.0	7,376.0	8,256.0	8,686.0	8,303.0
Filipina	6,070.0	7,569.0	8,185.0	9,505.0	19,451.0	11,709.0

Rajah 1: Peningkatan dalam jumlah pekerja wanita dari tahun 1980-1999 (dalam ribu)

Feminisasi tenaga pekerja rasmi adalah pengalaman yang bercanggah bagi kebanyakan orang wanita. Dalam satu tangan, menjadi bebas dari segi ekonomi membolehkan kaum wanita merangkul lebih banyak pilihan berkenaan dengan kehidupan mereka. Dalam tangan sebelah, 'beban berkepala dua' yang dihadapi oleh kesemua orang wanita kerana peranan mereka dalam keluarga bermakna bahawa kehidupan wanita di mana-mana begitu susah, sambil mereka mencuba mendukung pekerjaan dan kehidupan keluarga. Bekerja di luar rumah dan menjadi bebas dari segi ekonomi bermaksud mereka tidak dikuasai oleh mana-mana lelaki, tetapi 'perlumbaan ke bawah' yang menjadi dasar pembinaan kapital global, bermaksud bahawa pekerjaan mereka melibatkan jam-jam yang berpanjangan dengan gaji yang rendah, lalu menjadikan penjagaan anak lebih susah. Bagi beberapa orang wanita, menjadi sebahagian daripada tenaga pekerja global mengancam peluang mereka untuk melahirkan anak. Untuk wanita yang lain, ia bermakna mengabaikan anak kerana mereka terpaksa bekerja untuk menyediakan makanan. Tetapi di mana-mana, apabila ditanya, kebanyakan wanita yang bekerja berkata mereka tidak dapat membayangkan kembali ke peringkat tidak bekerja.

tinggal aku sorang-sorang kat tengah kesesakan orang dok beratur tuh sebelum sempat aku berbicara lanjut lagik. Malu gila aku time tuh. Memang hampeh la lu mamat. Prejudis gila dia kat aku. Mungkin sebab aku tak berpakaian seperti dia dan orang lain. Yer la.. orang lain termasuklah dia semua pakai lawa-lawa (taik!)..pakai kemeja yang entah berapa harganya..berkasut lagik. Sedangkan aku hanya berselipar dengan pakaian serba hitam. Aku berasa betul-betul kecik hati gila la. Iyer la..tipulah kalau aku kata aku tak emo. Aku bukannya nak mencuri..apsal dia layan aku macam tu. Kot yer pun tak ingat aku nie classmate dia dulu..at least dengar la apa aku cakap. Ini tidak..terus dia buat conclusion sendiri ("Don't jump into conclusion" kata seorang doctor ketika aku dok buat reti masa dia dok eksplain pasal sakit aku). Aku rasa time tuh aku memang hina dan keji gila dengan mata-mata orang lain pun ada yang tertumpu kat aku. Apa salah aku? Tapi sebab nak kaver malu aku pun mengekori dia dan aku cakap kat dia yang aku tak cukup duit untuk aku ke Kelana jaya. Aku hanya memerlukan 30 sen jek lagik. Kiranya aku nak pinjam dari dia la. Tapi dia still dok buat layan tak layan. Dia cakap kat aku yang dia takde 30 sen. F**k la lu! Kata-kata nie tak mampu aku luahkan depan dia..hanya mampu keluar dalam hati aku sahaja. Awek dia maybe kesian kat aku then bagi aku 30 sen dan aku janji aku akan bayar balik. (aku dah tunaikan janji aku..hahaha!!!..) Lepas tuh aku pun dapatlah meneruskan perjalanan aku ke Kelana Jaya.

Tapi aku masih tak berpuas hati dengan apa yang dia buat kat aku. Mungkin sesetengah orang akan menganggap yang aku ini tidak mengenang budi. Yer la..kalau diorang tak bagi pinjam, camna aku nak beli tiket lrt tuh kan? Aku memang berterima kasih bebanyak kat awek dia tapi aku terkilan dek kerana perbuatan pakwe dia tuh. Kalau dia layan aku macam tuh sebab aku pakai pakaian tak best macam dia tak mustahil satu hari nanti kalau dia jadik 'orang besar' dia akan buat benda serupa juga. Pada aku dia tuh buta dan bodoh! Dia hanya tengok aku dari segi luaran sahaja. Adakah dia lebih baik dari aku? Belum tentu jugak.. Mungkin sebab dia pakai stylo gila dia rasa dia best kot? Lantak lu la mat... Mungkin hari tuh hari untuk aku..nanti pulak mungkin dia akan rasa seperti mana aku rasa dan diperlakukan. Kehidupan kita ni ibarat roda..ada masa kita berada di atas dan ada masanya kita akan berada di bawah. Takyah la nak bermegah dan tunjukkan keegoan (benda ni aku tujukan kat diri aku sendiri)...takkan kemana semua tuh. Oklah..nie sahajalah coretan aku untuk kali ni. Aku tau peristiwa yang berlaku kat aku ni takde la seteruk yang sesetengah orang lain pernah alami. Mungkin kalian akan menganggap aku ini seorang yang emo atau sebagainya. Terpulanglah.. Huhuhuhuhu. Aku permisi dulu.



Akibat terlalu emo aku bertukar menjadi seekor kucing siam.

Race, Anarchy, and Punk Rock

by Otto Nomous



"Yes that's right, punk is dead ... Punk became a fashion just like hippy used to be and it ain't got a thing to do with you or me."

- lyrics by Crass, The Feeding of the Five Thousand (1978).

Ever since the historic protests against the WTO in Seattle at the close of the last millenium, anarchism as a revolutionary theory has been sought after by an increasing number of people from wide ranging walks of life than ever before in recent memory. However, the undeniable fact remains that the make-up of the anarchist movement in the U.S. for the last couple of decades has been a largely homogenous one, i.e. predominantly white and middle class. It also happens to be the case that the vast majority of people who identify themselves as anarchists in the U.S. today are connected to "alternative" subcultures, such as punk rock, in varying degrees. As a person of color and an anarchist with roots in punk rock, I have become deeply concerned with the lack of diversity within the anarchist movement. As long as we fail to attract significantly diverse participation, thus remaining isolated and politically weakened, and fail to link-up with and support anti-racist struggles, we shouldn't keep our hopes up for any radical social transformation in this country. I began to realize that a significant part of the problem lies in the subcultural lifestyle of many anarchists, including myself. What follows is an attempt to offer insight in finding answers for the ever-pressing quest for "diversity" within the anarchist community.



From the numerous situationist slogans that graced the lyrics of early punk bands, to the proliferation of anarcho-punk bands such as Crass and Conflict in the early eighties, punk rock as a subculture has had a unique history of having a strong relationship with explicitly anarchist and anti-capitalist political content over the years. Many anarchists today, including myself, are by-products of punk rock, where most become politicized from being exposed to angry, passionate lyrics of anarcho-punk bands, "do-it-yourself" zines, and countless other sources of information that are circulated within the underground punk distribution networks. Some are introduced to punk through the introduction to the anarchist social circles. Regardless of which comes first, the correlation between the punk scene and the anarchist scene is hard to miss, especially at most anarchist gatherings and conferences. It is by no coincidence that the punk scene also shares the familiar demographic as its counterpart, of mostly white, male, suburban, middle class youths.

It should be clear then, that the problem of the lack of race/class diversity within the U.S. anarchist movement will exist as long as it remains within the boundaries of any one particular culture, such as punk. To ignore this reality as merely an insignificant annoyance in an otherwise "politically correct" movement, and pretend that it can be solved as long as we recruit folks of color by being more open, or if one

analyzes the connection between global capitalism and white supremacy, would be a short-sighted mistake, albeit a frequently made one. It is critically important to realize how cultural boundaries can alienate other communities, how subtle forms of denial and guilt-complexes prevent real solutions, and how many of our attempts in the past have failed to provide new, effective approaches in achieving a truly diverse anarchist movement.

Looking at the fact that most people who rear their heads at anarchist "movement" events are roughly between 16-30 years old, with background influences of "punk" or other "alternative" persuasions, it is easy to understand why such "movements" tend to alienate most people than interest them. Punk has primarily appealed to middle-class, straight white boys, who, though they are " too smart" for the rock music pushed by the multinational corporations, still want to "rock out." It is also a culture that is associated with alienating oneself from the rest of society, often times in order to rebel against one's privileged background or parents. There's really nothing wrong with any radical counterculture having its own, distinct character, of course. Indeed, it's probably very good for those included. But we have to admit it is exclusive. Plus, the anarchist movement today has determined its issues of importance. Rarely do these include community organizing or working for social change around issues that most people prioritize, such as against the more subtle forms of racism, ageism and sexism, for a living wage, health care, and so forth. We are often more interested in promoting anarchism and so-called revolutionary organizations than working to provide real alternatives among everyday people. The current anarchist movement, for this reason, is not very relevant to the actual lives of most oppressed people.

Quite disturbingly, my experiences have shown that instead of acknowledging their impact and actually addressing them, many white anarchists rely on either constant denial of their responsibilities or engage in patronizing, token gestures out of privilege guilt-complexes. For example, I have received quite a few very negative and defensive reactions from white anarchists whenever I would mention the words "white" and "middle class" in the same sentence. Some of them defiantly point out that they're actually "working class" because they grew up poor or have to work. What they fail to realize is that it doesn't change the fact that they are able to blend in and benefit from the current anarchist scene which is predominantly middle class, and from white skin privilege.

